

Tarikh Dibaca: 18 September 2015

KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

“BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH”

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsalan (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



"BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ
النَّبِيَّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ
بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ ...
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan yang mulia ini, di tempat yang mulia, dan di hari yang mulia ini, marilah kita sentiasa menjaga dan meningkatkan prestasi



keimanan dan kualiti ketakwaan kita kepada Allah dengan sebenar-benarnya, iaitu ketakwaan yang dibangun kerana mengharap keredaan Allah SWT dan bukan keredaan manusia, ketakwaan yang dilandasi kerana ilmu yang bersumber dari al-Qur`an dan Sunnah Rasulullah SAW, dan ketakwaan yang dibuktikan dengan amal perbuatan dengan cara menjalankan setiap perintah Allah dan Nabi-Nya kerana mengharap rahmat Allah SWT dan berusaha sedaya upaya menjauhi dan meninggalkan setiap bentuk larangan Allah dan Nabi-Nya kerana takut terhadap azab dan siksa Allah SWT.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah hari ini yang bertajuk **"BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH"**.

Sejarah manusia bermula dengan kesatuan. Keluarga Adam AS adalah pengikut agama samawi yang berdasarkan ajaran tauhid dan kepatuhan yang utuh kepada Allah SWT. Konflik perpecahan manusia bermula dengan terjadinya konflik Habil dan Qabil yang berpunca dari sikap hasad dan curang demi merebut kepentingan dunia. Itulah hakikat sejarah perpecahan manusia yang dicetuskan dengan motif perasaan cintakan dunia (حُبُّ الدُّنْيَا)

sehingga manusia gagal mengawal dan mengendalikan diri dari dikuasai oleh nafsu, hasad dan tamak lalu menolak kebenaran.

Untuk menangani perpecahan dikalangan manusia, para rasul diutus bersama Kitab dari Allah SWT. Misi utama para rasul adalah menyelesaikan konflik dikalangan manusia. Para rasul menyatukan manusia dengan mengajak mereka kepada kesatuan aqidah, kesatuan syariat dan kesatuan nilai akhlak mulia dan amal soleh.



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 213:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا أَخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا أَخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْبِيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ إِذَا آمَنُوا لِمَا أَخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ



"Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu). (Tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang yang beriman dengan balasan syurga) dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan. (Sebenarnya) tidaklah yang berselisihan mengenai agama melainkan orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, kerana hasad dengki sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang yang beriman ke arah kebenarannya Yang diperselisihkan oleh



mereka (yang derhaka itu) dengan izin-Nya. Allah sentiasa memberi hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang benar".

Perpecahan adalah bencana yang ditimpakan oleh Allah akibat dari penyelewengan tingkahlaku manusia itu sendiri. Penyelewengan terbesar adalah pengkhianatan terhadap akuanji manusia untuk berpegang kepada ajaran Allah . mereka melupakan teras syariat Allah iaitu mentauhidkan Allah SWT. Seterusnya punca perpecahan manusia adalah kerana mereka melupakan, mengabaikan dan mengenepikan peringatan Tuhan tentang ajaran-Nya yang benar.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Al-Quran diturunkan ditengah-tengah bangsa yang berbudaya hidup berpuak-puak. Mereka mempunyai semangat yang kuat dan fanatik kepada suku dan puak masing-masing. Dalam persengketaan yang berlarutan itu, soal siapa benar dan siapa salah tidak menjadi perhitungan. Yang penting ialah "dia orang siapa"?! Orang kita harus dibela biarpun dia bersalah!. Inilah yang dinamakan asabiyyah jahiliyyah atau fanatik perkauman sempit yang dilarang dalam Islam.

Hadis daripada Wasilah B. al-Asqa' RA. bahawa beliau mendengar bapanya berkata, "wahai Rasulullah, apakah itu asabiyyah? Maka Rasulullah SAW menjawab;

أَنْ تُعِينَ قَوْمَكَ عَلَى الظُّلْمِ

"Bahawa kamu membantu dan bekerjasama dengan kaummu dalam melakukan kezaliman".

(Riwayat Abu Daud).



Perpaduan yang dianjurkan oleh Al Quran adalah perpaduan yang berasaskan rasa persaudaraan yang tumbuh dari ketakwaan kita kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَأَيُّهَا أَلْنَاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَاكُمْ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa antara kamu, (bukan kerana keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Persaudaraan yang lahir dari ajaran agama Allah ini adalah nikmat dari anugerah Allah yang tidak ternilai. Hakikat ini akan dapat dirasai sendiri oleh mereka yang pernah mengalami anjakan diri dari permusuhan kepada persaudaraan seperti yang dialami oleh Kaum Aus dan Khazraj. Kedua-duanya adalah dari keturunan Arab . satu bangsa, satu budaya, dan satu tanah air yang bermusuhan turun-temurun dari beberapa generasi.



Dikalangan penduduk Madinah, ada kelompok masyarakat Yahudi yang menjadi batu api melagakan-lagakan kaum Arab untuk meraih keuntungan dari konflik yang berlarutan itu. Tidak ada formula, baik politik, ekonomi atau semangat asabiyyah yang dapat menyatukan mereka. Hanya syariat Allah yang dapat mengakhiri persengketaan dan dendam antara kaum yang berlarutan sekian lama.

Perpaduan ummah tidak akan dapat dilakukan hanya dengan perkiraan untung rugi politik semata-mata. Ia harus tumbuh dari hati yang telah ditumbuhi ketaqwaan dan kepatuhan diri kepada Allah SWT. Kejayaan usaha perpaduan ummah sangat tergantung kepada faktor hati yang bersih , dan sentiasa mengharapkan redha Allah SWT.

Perpaduan ummah hendaklah berasaskan iltizam untuk bersama syariat Allah, menegakkan dan mendaulatkan ajaran Allah yang terangkum dalam ayat Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 8:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ كُوْنُوا قَوْمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ
بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاعُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَا تَعْدِلُوا
أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, lagi menjadi saksi dengan adil dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum



itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa; dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Kita mengakui bahawa semua yang berlaku dan yang menimpa umat ini adalah hasil daripada kesalahan dan keingkaran umat manusia terhadap Allah SWT. Dan nikmat persaudaraan dan perpaduan ini juga adalah dari limpah kurnia Allah SWT. Kerana itu, tidak ada jalan lain yang dapat membawa kepada perpaduan sebenar kecuali kita semua kembali kepada ajaran Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
فَإِنَّمَا الظَّالِمُونَ أَعْتَصَمُوا بِهِ
فَسَيِّدُ خَلْقِهِمْ فِي رَحْمَةٍ مِّنْهُ وَفَضْلٍ وَّهَدَاهُمْ إِلَيْهِ صِرَاطًا
مُّسْتَقِيمًا



“Oleh itu, orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh kepada (ajaran Al-Quran) ini, maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya (iaitu syurga) dan limpah kurnia-Nya (yang tidak terbatas), dan Allah akan membimbang mereka ke jalan yang lurus (agama Islam), yang menuju kepada-Nya”.

(Surah al-Nisa' : 175).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِأَقْرَآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ كَفَرُوا أَمْنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰغُور، سُلْطَانٌ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانٌ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدِ
سَلَّٰغُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
10.09.2015